

19 MAR 1997

Zin-Tanah

MELAKA PERKENAL GARIS PANDUAN KAWAL HARGA TANAH INDUSTRI

MELAKA, 19 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan memperkenalkan garis panduan untuk mengawal harga tanah terutama bagi kawasan industri bertujuan mencegah pemaju daripada menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata kawalan harga itu diperkenalkan bagi memastikan ia berada pada paras selesa bagi mengalakkan kemasukan pelaburan.

"Kerajaan negeri tidak mahu ada pemaju yang menjual tanah sesuka hati melebihi harga pasaran semasa sehingga boleh menjejaskan kemasukan pelabur ke Melaka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini.

Beliau berkata keputusan itu dibuat ekoran teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua kerajaan negeri supaya mengenyahkan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelabur ke negeri masing-masing sebaliknya memikirkan keuntungan jangka panjang.

Mohd Zin berkata kerajaan juga bercadang menyediakan indeks harga tanah yang disediakan oleh Jabatan Penilaian setiap enam bulan mengikut lokasi di seluruh negeri.

Sementara itu, beliau berkata kerajaan negeri juga memperkenalkan syarat baru kepada pemilik tanah yang mendapat kelulusan bagi membangunkan tanah mereka iaitu mereka perlu melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh enam bulan.

Ketua Menteri berkata, setiap permohonan yang telah diluluskan perlu mengemukakan pelan bangunan mereka dalam tempoh itu kepada pihak berkuasa tempatan dan jika gagal, kelulusan akan terbatal.

"Langkah itu diambil selepas didapati kira-kira 5,000 permohonan bagi membangunkan tanah dengan pelbagai projek antaranya perumahan, kilang dan hotel di sini tidak dilaksanakan," katanya.

Syarat itu bertujuan mengawal pemilik tanah daripada sengaja mendapatkan kelulusan projek supaya dapat menjual tanah mererka pada harga yang lebih tinggi.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata mesyuarat Exco juga meluluskan peraturan baru supaya semua projek perumahan atau komersil di sini menyediakan medan selera di projek mereka.

"Kerajaan negeri juga akan membina beberapa gerai di kawasan yang strategik dalam usaha membantu pembangunan penjaja di negeri ini dilakukan dengan lebih terancang," katanya.

Mohd Zin berkata pemaju projek yang membabitkan bangunan komersil dan pembangunan bercampur seperti perumahan yang diwajibkan menyediakan medan selera akan membantu usaha menyeragamkan penempatan gerai-gerai.

Beliau berkata kajian akan dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti jumlah penjaja yang berselerak sekarang untuk dipindahkan ke medan-medan selera yang akan dibina itu. -- BERNAMA

MYD PR